

**02/06/2016 - Majlis Amanat dan Sesi Soal jawab Ketua Setiausaha Negara bersama Warga
Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya

YBhg Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail Md. Salleh

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Roslan bin Md. Taha

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

YBhg. Dato' Ir. Hasnul bin Mohamad Salleh

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd Fazli bin Osman

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Pengarah-Pengarah Kanan

Pengarah-Pengarah Cawangan

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengarah-Pengarah Negeri

dan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Warga Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan kurniaNya, kita masih diberi peluang untuk hadir di Majlis Perjumpaan Bersama Warga Kerja Raya pada pagi yang indah ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada warga Kerja Raya, kerana telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sempurna sepanjang tahun 2015.

2. Saya amat berbangga dengan segala komitmen, yang ditunjukkan oleh para hadirin sekalian dalam menterjemahkan agenda transformasi negara, walaupun berdepan dengan ekonomi dunia yang serba mencabar.

3. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana sudi menjemput saya datang ke sini. Saya berasa cukup bertuah kerana dapat bersua muka dengan YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

4. Tidak terlambat rasanya untuk saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana telah mendapat Pengiktirafan Agensi Sektor Awam (SSR) bertaraf 5 bintang bagi Tahun 2015-2016 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dan Pengiktirafan Bintang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2015 bertaraf 5 bintang bagi KKR dan JKR oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

5. Semenjak penubuhan JKR lebih 100 tahun yang lalu, slogan "Jasa Kepada Rakyat" yang digunakan oleh JKR adalah sinonim dengan fungsi dan tanggungjawab dalam menyediakan fasiliti dan infrastruktur awam, khususnya bagi tujuan memberi keselesaan kepada rakyat. JKR juga telah diberi kepercayaan dalam melaksana dan menyelenggara beberapa projek mega seperti pembinaan Istana Negara, Institut Kanser Negara, Bangunan CIQ Johor Bahru, JB Central, Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2), infrastruktur di Kawasan Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC), UNiSZA, menaiktaraf Hospital Kuala Lumpur dan banyak lagi projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat, yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini.

6. Sehingga kini, banyak pengiktirafan yang telah diterima kerana telah berjaya menghasilkan mutu kerja yang begitu cemerlang, sehingga diberi pengiktirafan di peringkat dunia. Terkini, Menara Kerja Raya telah diiktiraf sebagai bangunan baharu ke-10 terbaik dunia oleh majalah *Business Insider*, United Kingdom. Selain itu, Menara Kerja Raya ini juga dalam proses memperoleh pensijilan *Green Building Index (GBI)* dalam masa terdekat dan saya yakin JKR mampu memperoleh persijilan tersebut.

7. Saya dimaklumkan JKR turut menyahut saranan pembangunan hijau dengan memperkenalkan Skim Penarafan Bangunan Hijau *Malaysian Carbon Reduction And Environmental Sustainability Tool (MyCREST)* dan melaksanakan Skim Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya (Ph JKR), yang mana setiap bangunan baharu kerajaan yang dibangunkan akan menerapkan ciri dan reka bentuk hijau serta menggunakan bahan binaan yang mesra alam.

Saya juga dimaklumkan bahawa sebanyak 24 buah projek telah berjaya dilaksanakan melalui skim ini di sepanjang tahun 2015.

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

8. YAB Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di Parlimen pada 21 Mei 2015 yang lalu di mana **penyediaan prasarana asas luar bandar terutamanya jalan raya akan diteruskan. Sebanyak 3 ribu kilometer jalan berturap di kawasan luar bandar seluruh negara akan dilaksanakan dalam tempoh 2016 sehingga 2020.** Bagi pembangunan rangkaian jalan raya, sepanjang 2,239 kilometer Lebu Raya Pan Borneo akan meningkatkan hubung-jalin di Sabah dan Sarawak. Manakala, Central Spine Road yang menghubungkan Kuala Krai di Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang dan Lebu Raya Kota Bahru–Kuala Krai akan menambah baik hubungan jalan di Kelantan dan Pahang. Selain itu juga, Lebu Raya Pantai Barat yang dijangka siap pada tahun 2019 bakal menyediakan akses yang lebih baik kepada penduduk pantai barat di Perak dan Selangor. Pada masa yang sama juga, Projek Landasan Berkembar Gemas – Johor Bahru dengan jarak 197 kilometer akan dilaksanakan.

9. **Dari segi kemudahan kesihatan sebanyak sepuluh (10) hospital baru akan dibina di Kemaman, Dungun, Bachok, Kuala Krai, Seri Iskandar, Parit Buntar, Tanjung Karang, Pendang, Pasir Gudang dan Maran manakala dua (2) buah hospital di Sabah iaitu Tawau dan Papar serta Hospital Miri di Sarawak akan dinaik taraf. Ketika ini juga, kerajaan sedang giat menyiapkan tiga (3) buah hospital baru iaitu Sri Aman, Lawas, dan Petrajaya di Sarawak.** Pada masa yang sama, sebanyak 165 buah Klinik 1Malaysia akan dibina dengan kos sebanyak 33 juta ringgit bertujuan menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan terutamanya di kawasan luar bandar.

10. Bagi sektor pendidikan untuk RMKe-11 pula, JKR akan melaksanakan sebanyak 44 buah projek sekolah baru, bangunan gantian dan asrama yang berjumlah RM1.3 bilion. Dari jumlah tersebut, di atas dasar *'empowerment'*, 15 buah projek akan dilaksanakan oleh JKR Sabah dan 16 buah projek dilaksanakan oleh JKR Sarawak.

11. Selain daripada itu, JKR juga turut terlibat sebagai Wakil Kerajaan dan Penasihat Teknikal untuk beberapa projek mega yang dilaksanakan di bawah kaedah PFI atau konsesi. Di antara projek-projek berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan pada ketika ini oleh JKR adalah Projek *Sports City* di Bukit Jalil bernilai RM1.6 bilion, yang perlu disiapkan untuk digunakan dalam Sukan Sea 2017 dan juga projek *Integrated Transport Terminal* di Gombak bernilai RM307 juta.

12. RMKe-11 menyusun atur beberapa pembangunan infrastruktur yang bakal memberi impak signifikan dalam usaha melonjakkan kemajuan negara serta kesejahteraan rakyat. JKR sebagai *Technical Advisors* dalam pelaksanaan projek infrastruktur yang saya sebutkan tadi memerlukan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan seawal perancangan bagi membantu agensi dalam menentukan *project brief* serta memberi khidmat nasihat kepada agensi pelanggan berkaitan kesesuaian tapak, menyediakan spesifikasi teknikal dan juga membuat anggaran penilaian bajet. Saya yakin dengan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan di dalam keseluruhan aspek pelaksanaan projek ini akan menjadikan kita lebih bertanggungjawab dan memastikan penyerahan projek menepati kualiti, masa dan kos projek yang ditetapkan. Oleh itu saya amat berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat meningkatkan kapasiti dan kompetensi serta mencari pendekatan baru dalam pengurusan projek-projek sektor awam.

13. Sungguhpun JKR adalah komited dalam memastikan pelaksanaan dan pemantauan projek-projek di bawah RMK11 dapat berjalan lancar dan mencapai *outcome* yang terbaik, kita tidak boleh menafikan wujudnya cabaran-cabaran yang perlu ditangani oleh JKR secara khusus, dan KKR keseluruhannya seperti berikut:-

i. Menangani persepsi ke atas keupayaan memahami kehendak dan ekspektasi pelanggan/ *stakeholders*. Ini bermakna bagaimana Kementerian dan agensi menentukan peranan dan imejnya dipertingkat selari dengan kehendak dan perubahan masa dan teknologi semasa serta kekal menjadi agensi unggul dalam memberikan nasihat teknikal kepada Kerajaan;

ii. Mengurus, melaksana dan menyerahkan projek-projek Kerajaan menepati pada kualiti, tempoh masa dan pada kos yang ditetapkan; dan

iii. Menangani lambakan media sosial seperti, *blog*, *facebook* dan *twitter* terutamanya dakyah-dakyah palsu yang dimainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab berkait dengan fungsi dan tanggungjawab Kementerian dan Agensi yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan dan Kerajaan.

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

14. Untuk makluman semua, saya telah mengadakan lawatan tapak ke Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi JKR, atau ringkasnya CREaTE baru-baru ini. CREaTE diwujudkan bukan sahaja sebagai pusat latihan dan pembelajaran, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai pusat kecemerlangan teknologi bagi pensijilan dan akreditasi kejuruteraan, pusat penyelidikan (R&D) kejuruteraan dan pembangunan inovasi serta menyediakan makmal-makmal kejuruteraan. Pusat kecemerlangan ini turut bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan melaksanakan latihan dan pembangunan warga Kerja Raya dan ini diharap dapat menangani kelemahan di dalam pengurusan projek yang berulang sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi.

15. Dengan adanya pusat kecemerlangan ini, saya menyarankan agar CREaTE dapat menjalankan kajian dan kerjasama dengan pusat latihan sedia ada bagi menyelaras peranan dan keperluan ruang latihan seperti;

i. Menjalinkan kolaborasi antaranya dengan '*Harvard School of Business*' untuk menghasilkan '*rating tools*' bagi tujuan '*sustainability development*';

ii. Kursus Program Pensijilan Pengurusan Projek Bersepadu yang ketika ini dikendalikan oleh pihak INTAN dilaksanakan oleh CREaTE; dan

iii. Mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) berhubung isu mewujudkan Akademi Air di CREaTE.

16. Menerusi pusat kecemerlangan ini, ia akan membantu warga kerja Kerja Raya, agar lebih kompeten dan komprehensif, dalam memberikan perkhidmatan, yang cemerlang dan bermutu seterusnya, menjadikan pusat ini sebagai pusat teknikal yang ulung, dan diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa.

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

17. Pembangunan kerjaya merupakan satu aspek yang diberi perhatian kerana saya percaya pengurusan sumber manusia merupakan tunjang utama keberkesanan fungsi dan peranan setiap organisasi. Sehubungan dengan itu, JKR telah dipilih sebagai agensi perintis di dalam pelaksanaan program Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang (Subject Matter Expert). Melalui program ini, pegawai yang berkemahiran tinggi dan menjadi pakar rujuk selain diiktiraf oleh pihak luar akan diberikan kenaikan pangkat ke gred lagi tinggi secara KUP/ Penempatan Khas/ Fast Track tanpa melalui proses kenaikan pangkat secara biasa. Satu pelan pembangunan komprehensif pegawai juga akan dibangunkan bagi mengekalkan kepakaran pegawai dan kemajuan kerjaya pegawai untuk peringkat seterusnya.

18. Kualiti perkhidmatan wajib dititikberatkan dan perlu seiring dengan peredaran semasa. Semua warga Kerja Raya terutamanya JKR seharusnya mempunyai usaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu, seterusnya menjadi *Subject Matter Expert* (SME) dalam sesuatu bidang. Kita harus membudayakan ilmu dengan membaca, dan mengikuti latihan yang boleh meningkatkan kompetensi diri, mempraktikkan amalan-amalan terbaik (*best practices*) yang dinamik, progresif dan berdisiplin agar dapat mencerminkan kewibawaan sebagai penjawat awam, serta memberi penekanan dari segi keberhasilan atau *outcome*, berbanding output, bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja, dengan bersandarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

19. Oleh itu, saya menyarankan agar Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir pada pagi ini, memajukan diri dengan berusaha memperoleh sijil-sijil professional, daripada badan-badan bertauliah yang berkaitan dengan bidang anda semua. Dengan memiliki sijil-sijil tersebut, hasil kerja kita akan lebih diyakini, diiktiraf, seterusnya meningkatkan kepercayaan pelanggan dan orang awam akan kepakaran yang kita miliki serta berupaya mengurus persepsi negatif.

YBhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

20. Tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat, perlu dijaga sebaik mungkin, agar tidak tersasar dari landasan yang sebenarnya. Saya amat berharap, agar anda semua warga kerja JKR, menjaga dan menghargai amanah yang diberikan ini. Banyak cabaran, dugaan, halangan dan pancaroba yang perlu dilalui oleh kita semua dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

20. Kita harus mempunyai nilai integriti yang tinggi dalam diri kita. Nilai ini bukan boleh dibeli dengan wang ringgit, tetapi ia datang dari hati yang bersih. Sematkan di hati bahawa, amanah yang digalas ini merupakan kurniaan dari Allah Taala. Tidak kira di mana kita ditempatkan, berkhidmatlah dengan penuh integriti, berdedikasi, jujur, ikhlas dan amanah.

FOOD FOR THOUGHT – SLIDE 8

21. Sebelum saya mengakhiri amanat saya pada pagi ini, sebagai pencetus minda, persoalan yang ingin saya kemukakan kepada para hadirin adalah “Adakah JKR perlu dikorporatkan?” Konsep pengkorporatan ini boleh mengambil pendekatan samada, JKR secara keseluruhan atau perkhidmatan tertentu dibawah JKR seperti *Facilities Management, Building Maintenance dan Road Maintenance*.

22. Pengkorporatan ini sudah tentu akan menawarkan skim gaji yang lebih kompetitif. KPI yang spesifik, mencabar dan *outcome base* juga akan dikenakan bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada rakyat. Pada masa yang sama, para pegawai juga tidak dikecualikan daripada *Exit Policy*.

23. Akhir kata, saya menyeru semua warga Kerja Raya agar dapat seiring melangkah, seirama berjalan bersama dengan kerajaan dalam merealisasikan Wawasan 2020 ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

Wabillahitaufig Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2060>